KAPT (B) MOHAMAD ISMAIL

lwn.

PERWIRA AFFIN BANK BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAHMAH HUSSAIN H
[GUAMAN NO: S4-22-544-95]
4 JUN 1999

PROSEDUR SIVIL: *Estopel - "Promissory" estopel - Janji oleh defendan untuk membatalkan perintah - Samada diestopkan dari mengelakkan janji berdasarkan amalan biasa pembatalan perintah kebankrapan*

KEBANKRAPAN: *Perintah penerimaan dan Perintah penghukuman - Pembatalan - Amalan biasa pembatalan - Penghutang yang akan mengambil tindakan pembatalan - Janji oleh pihak bank untuk membatalkan perintah - Samada diestopkan oleh amalan biasa*

Kes ini merupakan satu tuntutan plaintif terhadap defendan untuk menuntut gantirugi am dan gantirugi khas atas kegagalan defendan untuk membatalkan perintah penerimaan dan perintah penghukuman yang telah dijatuhkan ke atas plaintif pada 5 Julai 1993. Ekoran daripada perintah-perintah tersebut, plaintif dan defendan telah bersetuju untuk membayar sejumlah RM60,000 sebagai penyelesaian penuh hutangnya dengan defendan di mana defendan akan menarik balik dan membatalkan perintah-perintah tersebut setelah semua pembayaran diterima. Walaubagaimanpun, pegawai pemegang harta telah mengiklankan dalam suratkhabar tempatan mengenai kebankrapan plaintif pada 10 Februari 1994, di mana plaintif mendakwa iklan tersebut merupakan satu fitnah kepada reputasi plaintif sebagai seorang peniaga dan telah mengakibatkan beliau mengalami kerugian teruk. Defendan telah menafikan liabilitinya untuk membatalkan perintah-perintah tersebut dan menegaskan, mengikut amalan biasa prosedur pembatalan perintah-perintah tersebut hendaklah dibuat oleh si bankrap sendiri. Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah untuk menentukan samada defendan mempunyai obligasi untuk menarik balik perintah-perintah tersebut.

Diputuskan:

[1] Doktrin estopel adalah prinsip yang fleksibel melalui mana keadilan dilakukan menurut keadaan kes. Estopel adalah doktrin yang mempunyai kegunaan yang luas dan boleh digubalkan dalam pelbagai sifat fakta bagi mencapai keadilan. Sesungguhnya, keadaan-keadaan dalam mana doktrin tersebut boleh beroperasi adalah tidak berakhir.

[2] Mahkamah mendapati bahawa terdapat janji mengenai pembatalan perintah penerimaan dan perintah penghukuman yang telah dibuat di antara plaintif dan wakil defendan. Tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan defendan pada bila-bila masa menarik balik janji tersebut. Sebagai agen kepada defendan, peguamcara defendan pula sepatutnya mengambil arahan dari anakguamnya itu dan bukan mengambil sewenang-wenangnya. Tidak ada sebarang surat-menyurat di antara defendan dan peguamcaranya yang menunjukkan suatu nasihat telah diberi oleh peguamcara defendan mengenai siapakah yang sebenarnya patut mengambil tindakan pembatalan, dan amalan biasa dalam kes kebankrapan di mana penghutang yang memohon membatalkan perintah penerimaan dan penghukuman tidak terpakai dalam kes ini kerana janji defendan seperti di atas.

[3] Saranan defendan bahawa peguam plaintif tidak *bona fide* dalam permohonan ini, oleh itu tidak boleh mendapat relif *equity estoppel,* juga tidak dapat diterima. Ini kerana niat *mala fide* tidak mungkin akan sengaja dipamirkan oleh peguamcara dengan menulis surat yang mana akan menjadi satu rekod surat-menyurat yang membentuk fail ini. Oleh yang demikian, prinsip undang-undang estopel terpakai dalam kes ini dan liabiliti defendan terhadap kecuaian itu telah dibuktikan.

[Tuntutan dibenarkan.]

Kes yang dirujuk:

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v. Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd [1995] 4 CLJ 283 ***(dirujuk)***

Emmanuel Ayodeji Ajayi v. RT Briscoe (Nigeria) Ltd [1964] 3 All ER 556 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Bankruptcy Act 1967, s. 105

Sumber yang dirujuk:

Snell's Equity, 29th edn, ms 573

Bagi pihak plaintiff - En Rajadevan (En Kunasegaran bersamanya); T/n Rajadevan & Assoc

Bagi pihak defendan - Muzafar Munzir (John Wong bersamanya); T/n Azim, Ong & Krishnan

Dilaporkan oleh Farah Naim

PENGHAKIMAN

Rahmah Hussain H:

Tuntutan plaintif adalah untuk:

(a) Gantirugi am;

(b) Gantirugi khas;

(c) Faedah pada kadar 8% setahun dari tarikh penghakiman sehingga penjelasan sepenuhnya;

(d) Kos; dan

(e) Lain-lain relif yang dianggap patut dan adil.

Pada permulaan, kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa hanya isu liabiliti perlu diputuskan oleh saya, sementara gantirugi akan ditaksirkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.

Secara ringkasnya fakta kes ini berkisar kepada Perintah Penerimaan dan Perintah Hukuman yang dijatuhkan ke atas plaintif pada 5 Julai 1993. Ekoran dan itu, satu cadangan penyelesaian telah dimasuki oleh plaintif dan Timbalan Pengurus Besar defendan yang menyebut bahawa plaintif hendaklah membayar sejumlah RM60,000 sebagai penyelesaian penuh hutangnya dengan defendan dan defendan akan menarik balik dan membatalkan perintah-perintah tersebut setelah semua pembayaran diterima.

Plaintif telah membayar RM60,000 kepada defendan pada 30 September 1993. Defendan telah mengesahkan pembayaran ini dan mengarahkan peguamnya Tetuan Azim, Ong & Krishnan untuk membatalkan perintah-perintah tersebut melalui surat bertarikh 1 Oktober 1993. Namun demikian pada 10 Februari 1994 Pegawai Pemegang Harta telah mengiklankan dalam suratkhabar Utusan Malaysia mengenai kebankrapan plaintif. Plaintif mendakwa iklan ini merupakan satu fitnah kepada reputasi plaintif sebagai seorang peniaga dan mengakibatkan beliau mengalami kerugian teruk.

Defendan menafikan sama sekali liabilitinya untuk membatalkan perintah-perintah tersebut dan menegaskan, mengikut amalan biasa prosedur pembatalan perintah-perintah tersebut hendaklah dibuat oleh si bankrap sendiri. Permohonan pembatalan hanya difailkan pada 17 Februari 1994 dan telah di dengar pada 19 Mac 1994.

Pada pendapat saya terdapat satu isu sahaja yang perlu diputuskan untuk menentukan sama ada defendan mempunyai liabiliti terhadap kecuaian, iaitu: Sama ada defendan mempunyai obligasi untuk menarik balik Perintah Penerimaan dan Perintah Hukuman tersebut.

Adalah hujahan peguam defendan bahawa pihak defendan tidak pernah berjanji untuk memfail prosiding menarik balik Perintah Penerimaan dan Perintah Hukuman tersebut. Sebaliknya apa yang mereka persetujui adalah mereka tidak akan membantah kepada sebarang permohonan pembatalan yang akan dibuat oleh plaintif. Tambahan pula mengikut amalan biasa si berhutanglah yang sepatutnya memfail permohonan pembatalan tersebut. Mengikut peguam lagi perkara ini boleh disahkan melalui surat-menyurat antara peguam defendan dan peguam plaintif terutamanya surat bertarikh 1 Oktober 1993 di mana peguamcara defendan memaklumkan sedemikian:

> ... Our clients have confirmed that the above borrower has fully settled his account. We have instructions to consent to your application to annul the Receiving and Adjudicating Orders. Kindly serve the necessary papers on us.

Selanjutnya peguam defendan menyatakan plaintif atau peguamnya gagal menafikan perkara mengenai "... consent to annul ..." atau pun memberi sebarang maklumbalas bagi mengingatkan janji defendan seperti yang didakwa. Oleh itu menurut defendan surat bertarikh 1 Oktober 1993 berfungsi sebagai notis yang sekali gus menghapuskan janji yang telah dibuat sebelum itu.

Nas yang diutarakan ialah kenyataan dalam buku *Snell's Equity* (29th edn.) di ms 573:

> However, unlike estoppel at common law, a promissory estoppel is usually not permanent in its effect. The promisor may resile from his position by giving the promisee notice (which need not be formal) so that he has a reasonable opportunity of resuming his former position; and only if that is impossible does the promise become final and irrevocable.

Prinsip ini juga digunakan dalam kes *Emmanuel Ayodeji Ajayi (trading under the name and style of The Colony Carrier Co) v. RT Briscoe (Nigeria) Ltd* [1964] 3 All ER 556.

Satu lagi surat yang dirujuk adalah surat peguamcara plaintif kepada peguamcara defendan bertarikh 9 Februari 1994 yang menyatakan:

> ... we shall be grateful if you file the necessary application to Court to rescind the Adjudication Order made against our client on 6 July 1993 under s. 105 of the Bankruptcy Act on the grounds that our client ought not to be made a bankrupt since he has been regularly servicing the overdraft facility with your client. Kindly avoid stating in the affidavit in support that the debt has been fully settled.

Defendan mendakwa oleh kerana perintah-perintah telah diperolehi dengan sempurna kerana plaintif gagal membayar hutangnya maka defendan enggan menurut permintaan peguamcara itu kerana akan bermakna seolah-olah memberi keterangan palsu. Oleh itu apa yang dipersetujui oleh defendan hanyalah untuk tidak membantah permohonan pembatalan kerana jumlah yang terhutang telah dijelaskan kemudiannya. Oleh yang demikian peguam defendan berhujah bahawa tindak tanduk plaintif tidak *bona fide* dan beliau tidak boleh berpegang kepada remedi equiti "estoppel" kerana telah tidak mematuhi prinsip "He who comes into equity must come with clean hands".

Sebaliknya hujahan peguam plaintif adalah bahawa penafian peguam defendan mengenai janji antara plaintif dan defendan berdasarkan komunikasi antara peguamcara-peguamcara kedua pihak tidak boleh membatalkan akujanji defendan kepada plaintif. Ini kerana tiada sebarang komunikasi antara defendan dan plaintif bahawa janji defendan untuk membatalkan perintah penerimaan dan penghukuman telah ditarik balik.

Tambah peguam plaintif lagi surat-menyurat antara plaintif dan defendan juga jelas menunjukkan keujudan janji tersebut. Antaranya surat bertarikh 18 September 1993 oleh defendan kepada plaintif yang berbunyi demikian:

> Your bankruptcy petition will be withdrawn and annulled.

Juga, surat defendan bertarikh 1 Oktober 1993 kepada peguam defendan yang mengarahkan peguamnya untuk ... "Kindly annul the Adjudicating Order and Receiving Order against him". Surat ini telah disalinkan kepada plaintif. Melalui surat defendan kepada plaintif bertarikh 14 Februari 1994 pula defendan dengan jelas menyatakan:

> We have instructed our lawyer M/s Azim Ong & Krishnan to annul the Adjudicating and Receiving Order.

Peguam plaintif kemudian merujuk kepada s. 105 Bankruptcy Act 1967 dan berhujah bahawa ianya tidak memperuntukkan secara khas siapakah yang harus memohon untuk perintah pembatalan, sama ada pemiutang atau si berhutang. Seterusnya adalah hujahan peguam plaintif bahawa oleh kerana ujudnya janji oleh defendan tersebut maka prinsip am bahawa penghutang yang harus memohon pembatalan adalah tidak terpakai kerana defendan di estop dari menafikan obligasinya dalam perjanjian itu. Beliau kemudian merujuk kepada kes *Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v. Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 4 CLJ 283; [1995] 3 MLJ 331 di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan:

Held (2). The doctrine of estoppel is a flexible principle by which justice is done according to the circumstances. It is a doctrine of wide utility and has been resorted to in varying fact patterns to achieve justice. The maxim 'estoppel may be used as a shield but not a sword' does not limit the doctrine of estoppel to defendants alone. Plaintiffs too may have recourse to it. Estoppel may assist a plaintiff in enforcing a cause of action by preventing a defendant from denying the existence of some fact which would destroy the cause of action.

Kesimpulan yang boleh saya buat dalam kes ini, setelah meneliti fakta kes, eksibit-eksibit yang dikemukakan dan hujahan kedua-dua peguam ialah, bahawa janji mengenai pembatalan Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman telah dibuat di antara plaintif dan wakil defendan (Timbalan Pengurus Besar defendan). Tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan defendan pada bila-bila masa menarik balik janji tersebut. Sebagai agen kepada defendan, peguamcara defendan pula sepatutnya mengambil arahan dari anak guamnya itu dan bukan mengambil tindakan sewenang-wenangnya. Tidak ada sebarang surat-menyurat di antara defendan dan peguamcaranya yang menunjukkan suatu nasihat telah diberi oleh peguamcara defendan mengenai siapakah sebenarnya patut mengambil tindakan pembatalan. Oleh itu saya berpuashati bahawa amalan biasa dalam kes kebankrapan (iaitu bahawa penghutang yang memohon untuk membatalkan Perintah Penerimaan dan Penghukuman) tidak terpakai dalam kes ini kerana janji defendan seperti di atas.

(Sila lihat ms 11, 17 dan 24 ikatan dokumen plaintif.)

Saranan defendan bahawa peguam plaintif sendiri tidak *bona fide* dalam permohonan ini, oleh itu tidak boleh mendapat relif equity estoppel juga tidak dapat diterima. Ini kerana niat *mala fide* tidak mungkin akan sengaja dipamirkan oleh peguamcara dengan menulis surat yang mana akan menjadi satu rekod surat-menyurat yang membentuk fail ini. Sebaliknya saya sendiri merasa musykil dengan niat peguam defendan memandangkan tiada sebarang surat-menyurat terutama berkaitan penyelesaian hutang plaintif yang disalinkan kepada Pegawai Pemegang Harta. Oleh hal yang demikian adalah prinsip undang-undang – estopel terpakai dalam kes ini dan liabiliti defendan terhadap kecuaian itu telah dibuktikan dan gantirugi hendaklah ditaksir oleh Penolong Kanan Pendaftar kelak.